

D.R. 30/2010

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah [*Akta 242*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif “amalan perejenan harta tanah”—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “orang ramai” perkataan “atau kepada mana-mana individu atau firma”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “penyewaan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya” perkataan “termasuk tindakan membuat makluman tentang adanya tanah, bangunan atau apa-apa kepentingan dalamnya untuk jualan atau pelupusan lain itu, pembelian atau pengambilan lain, pemajakan atau penyewaan”;

- (b) dalam takrif “ditetapkan”, dengan memasukkan selepas perkataan “garis panduan,” perkataan “standard,”;
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Menteri” takrif yang berikut:

“ ‘pemohon’ ertinya seorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah perseorangan berdaftar atau suatu firma penilaian, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan;’;
- (d) dalam takrif “pengurus harta”, dengan menggantikan perkataan “menguruskan dan” dengan perkataan “menguruskan atau menyenggarakan atau”; dan
- (e) dalam takrif “pengurusan harta”—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pengurusan dan” dengan perkataan “pengurusan atau penyenggaraan atau”; dan
 - (ii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “dan pembelian” dengan perkataan “, pembelian dan penyewaan”.

Pindaan seksyen 4

3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Bagi maksud menyediakan perkhidmatan penyelidikan di bawah perenggan (1)(bc), Ketua Pengarah boleh—

 - (a) menjalankan penyelidikan asas atau gunaan;
 - (b) memberikan perkhidmatan nasihat atau perundingan;
 - (c) mentauliahkan atau mengambil kerja mana-mana orang untuk melakukan penyelidikan;
 - (d) mengeluarkan apa-apa bantuan; dan

- (e) menyelaraskan penjalanan penyelidikan yang dilakukan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain.”; dan
- (b) dalam subseksyen (4)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “dalam” perkataan “perenggan (1)(bc) dan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “apa-apa fi” dengan perkataan “ke atas mana-mana orang atau golongan orang apa-apa fi dan caj”.

Pindaan seksyen 10

4. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (*hb*), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (*hb*) perenggan yang berikut:
 - “(hc) menetapkan kaedah-kaedah mengenai pengambilan insurans tanggung rugi profesional bagi penilai, pentaksir dan ejen harta tanah terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional;
 - “(hd) menetapkan standard, arahan, surat pekeliling atau garis panduan untuk melaksanakan peruntukan Bahagian III hingga Bahagian VIII; dan”.

Seksyen baru 10A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:

“Jawatankuasa

10A. (1) Lembaga boleh melantik apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk membantunya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

- (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada dua orang atau lebih yang merupakan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang difikirkan patut oleh Lembaga.
- (3) Tatacara dan fungsi mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah ditentukan oleh Lembaga.
- (4) Lembaga boleh, secara bertulis, mewakilkan kepada jawatankuasa mana-mana fungsinya selain fungsi yang dikehendaki oleh Menteri secara nyata melalui kaedah-kaedah supaya dilaksanakan oleh Lembaga.”.

Pindaan seksyen 12

6. Perenggan 12(2)(e) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “yang dikelolakan oleh Lembaga”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “brosur,” perkataan “buku panduan,”.

Pindaan seksyen 16

7. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “dalam borang yang ditetapkan oleh Lembaga” perkataan “dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan oleh Lembaga patut dikenakan”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
 - “(1A) Bagi maksud subseksyen (1), kuasa untuk menjalankan amalan sebagai seorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar perseorangan hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa amalan itu adalah menurut seksyen 23.”; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Menteri” dengan perkataan “Lembaga”.

Pindaan seksyen 17

8. Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (*aa*) perenggan yang berikut:

- “(ab) dia tidak pernah membuat pernyataan atau mengesahkan atau mengaku saksi dokumen yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir matan;
- (ac) dia tidak secara tidak jujur merahsiakan fakta matan;
- (ad) dia tidak memberikan maklumat yang palsu;”.

Seksyen baru 17A

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

“Pendaftaran penilai percubaan

17A. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap orang berhak menuntut namanya dimasukkan sebagai penilai percubaan di bawah Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan setelah membuat permohonan kepada Lembaga dan membuktikan sehingga Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) dia telah mencapai umur 21 tahun dan sempurna akal, berkelakuan baik dan tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan atau keburukan akhlak dalam tempoh lima tahun sebelum sahaja tarikh permohonannya;
- (b) dia bukan bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) dia telah memenuhi kehendak seksyen 18;
- (d) dia telah membuat suatu akuan dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (e) dia telah membayar fi yang ditetapkan oleh Lembaga; dan
- (f) dia telah mengemukakan semua dokumen yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh menghendaki supaya pemohon mengemukakan apa-apa dokumen tambahan sebagaimana yang difikirkan oleh Lembaga berkaitan supaya Lembaga berpuas hati tentang apa-apa perkara yang disebut dalam subseksyen (1).”.

Pindaan seksyen 19

10. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “bangunan” perkataan “dan segala kepentingan mengenainya”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “atau jentera” dengan perkataan “, jentera, peralatan”; dan

(b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “bangunan” perkataan “dan segala kepentingan mengenainya”.

Pindaan seksyen 21

11. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(a)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan ‘ “Pengurus Harta” ’ perkataan ‘, “Ejen Pengurusan”, “Pengurus Kemudahan”, “Pengurus Penyenggaraan Bangunan”, “Pengurus Kemudahan Bangunan”, “Pengurus Bangunan” ’; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar” perkataan “atau bahawa dia melibatkan diri dalam amalan atau perniagaan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Peruntukan yang berhubungan dengan sekatan amalan penilaian dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu firma.”.

Pindaan seksyen 22A

12. Subseksyen 22A(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

- “(aa) dia tidak pernah membuat pernyataan atau mengesahkan atau mengaku saksi dokumen yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir matan;
- “(ab) dia tidak secara tidak jujur merahsiakan fakta matan;
- “(ac) dia tidak memberikan maklumat yang palsu;”.

Pindaan seksyen 22C

13. Seksyen 22C Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “berdaftar” perkataan “atau bahawa dia melibatkan diri dalam amalan atau perniagaan perejenan harta tanah”;

(ii) dalam perenggan (b)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “papan tanda” perkataan “atau poster”; dan

(B) dengan memasukkan selepas perkataan “berdaftar” perkataan “atau bahawa dia melibatkan diri dalam amalan atau perniagaan perejenan harta tanah”;

(iii) dalam perenggan (ba)—

(A) dengan menggantikan perkataan “jualan atau mempelawa tawaran untuk membeli” dengan perkataan “jualan, sewaan atau pajakan atau mempelawa tawaran untuk membeli, menyewa atau memajak”; dan

(B) dalam proviso kepada perenggan itu, dengan memasukkan selepas perkataan “prinsipal” perkataan “atau seseorang ejen harta tanah”; dan

- (iv) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan “fi,” perkataan “komisen,”;
- (b) dalam perenggan (2)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “atau menyewa” di mana-mana juga terdapat perkataan “atau memajakkan atau mensubpajakkan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:
 - “(3) Peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan amalan perejenan harta tanah dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu firma.”.

Seksyen baru 22E

14. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 22D seksyen yang berikut:

“Pendaftaran ejen harta tanah percubaan

22E. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, tiap-tiap orang berhak menuntut namanya dimasukkan sebagai ejen harta tanah percubaan dalam Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan setelah membuat permohonan kepada Lembaga dan membuktikan sehingga Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) dia telah mencapai umur 21 tahun dan sempurna akal, berkelakuan baik dan tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan atau keburukan akhlak dalam tempoh lima tahun sebelum sahaja tarikh permohonannya;
- (b) dia bukan bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) dia telah memenuhi kehendak seksyen 22D;
- (d) dia telah membuat suatu akuan dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (e) dia telah membayar fi yang ditetapkan oleh Lembaga; dan

- (f) dia telah mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Lembaga.
- (2) Lembaga boleh menghendaki supaya pemohon mengemukakan kepadanya apa-apa dokumen tambahan sebagaimana yang difikirkan oleh Lembaga berkaitan supaya Lembaga berpuas hati tentang apa-apa perkara yang disebut dalam subseksyen (1).”.

Pindaan seksyen 23

15. Seksyen 23 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “fi,” perkataan “komisen,”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Sesuatu ketuanpunyaan tunggal yang menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh didaftarkan oleh Lembaga melainkan jika—

- (a) tuan punya tunggal bagi ketuanpunyaan tunggal itu merupakan penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) kepentingan dalam ketuanpunyaan tunggal itu terletak hak semata-mata pada tuan punya tunggal itu; dan
- (c) tuan punya tunggal bagi ketuanpunyaan tunggal itu telah memenuhi semua syarat yang ditentukan oleh Lembaga.”;

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan subperenggan (i), (ii) dan (iii) dengan subperenggan yang berikut:

“(i) dalam hal suatu amalan penilaian—

(A) semata-mata penilai berdaftar;

- (B) suatu gabungan penilai berdaftar, pentaksir berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar; atau
 - (C) suatu gabungan penilai berdaftar dan mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan yang lain;
- (ii) dalam hal suatu amalan pentaksiran—
- (A) semata-mata pentaksir berdaftar;
 - (B) suatu gabungan pentaksir berdaftar, penilai berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar; atau
 - (C) suatu gabungan pentaksir berdaftar dan mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan yang lain; dan
- (iii) dalam hal suatu amalan perejenan harta tanah—
- (A) semata-mata ejen harta tanah berdaftar;
 - (B) suatu gabungan ejen harta tanah berdaftar, penilai berdaftar dan pentaksir berdaftar; atau
 - (C) suatu gabungan ejen harta tanah berdaftar dan mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan yang lain;”; dan
- (ii) dalam perenggan (b)—
- (A) dalam subperenggan (ii), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu; dan
 - (B) dengan memasukkan selepas subperenggan (iii) subperenggan yang berikut:
- “(iv) dalam hal suatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang semua pekongsi bagi perkongsian itu atau semua pengarah dan pemegang syer pertubuhan

perbadanan itu adalah suatu gabungan penilai berdaftar, pentaksir berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar dan mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan yang lain—

- (A) dalam hal suatu amalan penilaian, oleh suatu majoriti penilai yang memegang kepentingan dan hak mengundi majoriti;
- (B) dalam hal suatu amalan pentaksiran, oleh suatu majoriti pentaksir yang memegang kepentingan dan hak mengundi majoriti; dan
- (C) dalam hal suatu amalan perejenan, oleh suatu majoriti ejen harta tanah yang memegang kepentingan dan hak mengundi majoriti; dan”;

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun subseksyen (2) atau (4), Lembaga hendaklah membatalkan pendaftaran sesuatu firma jika Lembaga mendapati bahawa—

- (a) firma itu atau mana-mana pekongsi atau pengarhnya telah melanggar atau tidak mematuhi atau tidak melaksanakan mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga semasa memberikan kelulusan;
- (b) komposisi pekongsi dalam perkongsian atau pengarah pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah itu tidak mematuhi kehendak dalam subseksyen (2);
- (c) pemegangan syer bagi perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah itu tidak mematuhi kehendak dalam subseksyen (2);
- (d) mana-mana pekongsi bagi perkongsian atau pengarah bagi pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah, sama ada pekongsi

atau pengarah itu merupakan seorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar atau selainnya, melakukan, atau telah menyumbang kepada, mana-mana perbuatan yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b) atau (c); dan

- (e) firma itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Jika seseorang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang menjalankan amalan sebagai tuan punya tunggal dipotong namanya daripada Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah atau digantung daripada menjalankan amalan, dia hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemotongan nama atau penggantungan itu, memuaskan hati Lembaga bahawa dia telah membuat perkiraan yang sesuai untuk menyediakan bagi kliennya penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, semasa tempoh pemotongan namanya atau penggantungannya.

(8) Penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar itu hendaklah, apabila menyediakan bagi kliennya penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang lain di bawah subseksyen (7)—

- (a) mengarahkan penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang lain itu untuk—
 - (i) mengambil alih pengurusan firmany;
dan
 - (ii) menerima dan mengakaunkan semua jumlah wang yang kena dibayar kepada firma itu dan dipegang olehnya atau firmany bagi pihak kliennya; dan

(b) menyerahkan kepada penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang lain itu semua dokumen, buku akaun, rekod dan baucar dan apa-apa dokumen lain dalam milikannya atau kawalannya.

(9) Jika seseorang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang menjalankan amalan di bawah suatu perkiraan perkongsian dipotong nama daripada Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah atau digantung daripada menjalankan amalan, dia hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemotongan namanya atau penggantungan itu, memuaskan hati Lembaga bahawa dia telah membuat perkiraan yang sesuai untuk menyerahkan semua kliennya dan semua dokumen yang berkaitan yang ada dalam milikannya kepada pekongsinya.

(10) Jika nama sesuatu firma berdaftar dipotong daripada Daftar Firma atau semua pekongsi atau pengarapnya digantung daripada menjalankan amalan, pekongsi atau pengarah itu hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemotongan nama atau penggantungan itu, memuaskan hati Lembaga bahawa mereka telah membuat perkiraan yang sesuai untuk menyediakan bagi kliennya firma penilaian berdaftar, pentaksiran berdaftar atau perejenan harta tanah berdaftar yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, semasa tempoh pemotongan nama atau penggantungannya itu.

(11) Pekongsi atau pengarah suatu firma berdaftar hendaklah, apabila menyediakan bagi kliennya penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang lain di bawah subseksyen (10)—

(a) mengarahkan penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang lain itu untuk—

(i) mengambil alih pengurusan firmanya; dan

(ii) menerima dan mengakaunkan semua jumlah wang yang kena dibayar kepada firma itu dan dipegang olehnya atau firmanya bagi pihak kliennya; dan

(b) menyerahkan kepada penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang lain itu semua dokumen, buku akaun, rekod dan baucar dan apa-apa dokumen lain dalam milikan atau kawalannya.

(12) Jika seseorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar tidak mematuhi subseksyen (7) atau (10), Lembaga boleh melantik seorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menguruskan firmanya jika difikirkan oleh Lembaga bahawa firmanya perlu dikekalkan demi kepentingan awam atau kepentingan klien atau profesionnya.

(13) Seseorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar yang dilantik di bawah subseksyen (12) hendaklah—

(a) melakukan usahanya yang terbaik untuk melaksanakan dan menjalankan perniagaan itu dengan cara yang sepatutnya dan cekap;

(b) menerima dan mengakaunkan semua jumlah wang yang kena dibayar kepada firma itu atau yang dipegang olehnya; dan

(c) menyediakan untuk pemeriksaan Lembaga kesemua akaun atau rekod lain firma itu.

(14) Jika seseorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar yang menjalankan amalan sebagai tuan punya tunggal meninggal dunia, semua hak untuk mengendalikan atau selainnya membuat urusan tentang, mana-mana akaun bank atas nama penilai, pentaksir atau ejen harta tanah atau firmanya hendaklah, walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam Akta ini, terletak hak pada wakil diri penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar itu dan hendaklah boleh dijalankan mulai dari kematian penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar itu sehingga selesai tertakluk kepada kelulusan dan penyeliaan Lembaga.

(15) Bagi maksud subseksyen (14), “akaun bank” ertiannya suatu akaun bank yang ke dalamnya wang klien dibayar.”.

Pindaan seksyen 24

16. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “atau 22A” dengan perkataan “, 22A atau 22D”;
- (ii) dalam perenggan (e), dengan memasukkan selepas perkataan “apa-apa” perkataan “syarat atau”;
- (iii) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (iv) dalam perenggan (g), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah;
- (v) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
 - “(h) telah membernarkan mana-mana orang yang tidak dibenarkan untuk menjalankan perniagaan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah atas namanya; atau
 - (i) telah menjalankan sendiri, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa profesi, tred, perniagaan atau pekerjaan yang tidak bersesuaian dengan amalan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah,”;
- (v) dalam perenggan (iv)—
 - (A) dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “sepuluh”;
 - (B) dengan menggantikan perkataan “tetapi tanpa” dengan perkataan “dan”; dan
 - (C) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu; dan

- (vi) dalam perenggan (v)—
 - (A) dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “dua puluh lima”; dan
 - (B) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (vii) dengan memasukkan selepas perenggan (v) perenggan yang berikut:
 - “(vi) melarangnya daripada membuat permohonan kepada Lembaga bagi pendaftaran sehingga semua syarat yang ditentukan oleh Lembaga telah dipatuhi.”;
- (b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “akhbar” perkataan “atau apa-apa media lain termasuk media elektronik”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:
 - “(3A) Apa-apa perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah perenggan (1)(iii), (iv) dan (v) boleh disiarkan dalam apa-apa penerbitan yang difikirkan patut oleh Lembaga jika tiada rayuan terhadap perintah itu dibuat di bawah seksyen 27 dalam tempoh empat puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat.”.

Pindaan seksyen 25

17. Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:
 - “(c) telah diperakui oleh pegawai perubatan kerajaan sebagai tidak sempurna akal atau oleh sebab apa-apa kelemahan lain pada tubuh badan atau fikiran atau apa-apa sebab lain, menjadi tidak berupaya untuk melaksanakan fungsi sebagai penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar dengan berkesan;”;

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - “(ca) telah dihukum bankrap;”; dan
 - (iii) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan “itu” perkataan “atau tidak mematuhi apa-apa syarat pembaharuan”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “amalan” perkataan “atau, dalam hal penilai percubaan atau ejen harta tanah percubaan, surat pendaftarannya”; dan
- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
 - (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
 - “(c) yang telah dibubarkan atau dibatalkan pendaftarannya di bawah undang-undang yang di bawahnya firma itu diperbadankan atau didaftarkan; atau
 - (d) jika mana-mana hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(ca), (d) dan (e) telah berlaku.”.

Pindaan seksyen 29

18. Subseksyen 29(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “secara bertulis” dengan perkataan “dalam borang yang ditetapkan”.

Pindaan seksyen 30

19. Seksyen 30 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu;

(b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “Daftar” perkataan “atau Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan atau Daftar Firma”;
- (ii) dalam perenggan (h), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (iii) dalam perenggan (i)—
 - (A) dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen” perkataan “21 atau”; dan
 - (B) dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”;
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (i) perenggan yang berikut:
 - “(j) membantu dan bersubahat dalam pelakuan kesalahan di bawah Akta ini,”;
 - (v) dengan menggantikan perkataan “dua puluh lima” dengan perkataan “tiga ratus”; dan
 - (vi) dengan menggantikan perkataan “lima ratus” dengan perkataan “satu ribu”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Mana-mana orang yang, tanpa apa-apa kuasa yang sah—

- (a) bertindak sebagai seorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah bagi mana-mana pihak atau bertindak atas apa-apa sifat sebagai seorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah sama ada matlamat asas atau utama perniagaannya ialah penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah atau sama ada apa-apa bahagian sampingan perniagaannya merupakan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah; atau
- (b) dengan sengaja atau dengan palsu berpura-pura menjadi, atau memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang membayangkan bahawa dia mempunyai

kelayakan atau diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak sebagai, seorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah, atau bahawa dia mempunyai kelayakan atau kuasa sedemikian menurut undang-undang,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada kos, komisen, fi, upah atau apa-apa balasan lain berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang tidak diberi kuasa berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh dituntut dalam mana-mana mahkamah.”.

Pindaan seksyen 31

20. Subseksyen 31(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “dua ratus”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (“Akta 242”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 242 untuk menggantikan takrif tertentu dan memasukkan takrif baru ekoran pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk menjelaskan selanjutnya ruang lingkup perkhidmatan penyelidikan yang boleh disediakan oleh Ketua Pengarah di bawah peruntukan yang sedia ada.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi tambahan Lembaga. Fungsi yang dicadangkan ini ialah kuasa untuk menetapkan kaedah-kaedah tentang pengambilan insurans tanggung rugi profesional dan menetapkan standard, arahan, surat pekeliling dan garis panduan bagi maksud Akta 242.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A ke dalam Akta 242 untuk membolehkan Lembaga melantik jawatankuasa yang terdiri daripada anggota Lembaga atau mana-mana orang lain untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya. Lembaga juga diberi kuasa untuk menentukan fungsi dan tatacara jawatankuasa itu di bawah seksyen yang dicadangkan.
7. *Fasal 6* berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam *fasal 3*. Peruntukan yang dicadangkan bertujuan untuk membolehkan penggunaan Kumpulan Wang Lembaga termasuklah bagi pembayaran belanja untuk pendaftaran dan belanja lain bagi apa-apa penyelidikan, penyiasatan, kajian, persidangan atau seminar yang tidak dikendalikan oleh Lembaga.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menetapkan syarat bagi menjalankan amalan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah berdaftar perseorangan hanya dibenarkan untuk menjalankan amalan mengikut seksyen 23 Akta 242.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk memperuntukkan syarat selanjutnya bagi pendaftaran penilai dan pentaksir.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran sebagai penilai percubaan.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk meluaskan ruang lingkup amalan penilaian di bawah seksyen 19 Akta 242 yang sedia ada dengan membenarkan penilai atau pentaksir berdaftar untuk membuat penilaian mengenai semua kepentingan mengenai tanah atau bangunan termasuk perabot, lekapan, stok perdagangan, loji, jentera dan kelengkapan dan benda yang lain.
12. *Fasal 11* bertujuan untuk memperuntukkan sekatan selanjutnya terhadap amalan penilaian.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk memperuntukkan syarat selanjutnya bagi pendaftaran ejen harta tanah.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk memperuntukkan sekatan selanjutnya bagi amalan perejenan harta tanah.
15. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran ejen harta tanah percubaan.
16. *Fasal 15* bertujuan untuk membenarkan sesuatu ketuanpunyaan tunggal untuk beroperasi sebagai firma penilai, pentaksir atau ejen harta tanah. *Subfasal 15(c)* bertujuan untuk membenarkan profesion yang dikawal selia di bawah Akta dibuka kepada ahli profesion yang bersekutu dan untuk membenarkan orang sebenar serta juga gabungan penilai berdaftar, pentaksir berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar, perkongsian dan pertubuhan perbadanan memegang ekuiti dalam firma yang menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah. *Subfasal 15(d)* memberi Lembaga kuasa untuk membatalkan pendaftaran sesuatu firma jika Lembaga mendapati bahawa firma itu atau mana-mana pekongsi atau pengarahnya telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga. Sebagai tambahan,

subfasal 15(e) bertujuan untuk menjamin kepentingan awam dalam hal jika seseorang orang berdaftar dipotong namanya atau digantung daripada Daftar atau meninggal dunia.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan sebab tambahan bagi pembatalan, penggantungan dan teguran penilai, pentaksir dan ejen harta tanah serta penilai percubaan dan ejen harta tanah percubaan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menaikkan denda yang boleh dikenakan oleh Lembaga ke atas penilai, pentaksir atau ejen harta tanah atau penilai percubaan atau ejen tanah percubaan di bawah perenggan 24(1)(iv) dan (v) masing-masing daripada lima ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit dan daripada sepuluh ribu ringgit kepada dua puluh lima ribu ringgit.
18. *Fasal 17* bertujuan untuk memperuntukkan alasan selanjutnya bagi pemotongan nama penilai, pentaksir dan ejen harta tanah serta penilai percubaan dan ejen harta tanah percubaan daripada Daftar.
19. *Fasal 18* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi notis rayuan dibuat dalam borang yang ditetapkan.
20. *Fasal 19* bertujuan untuk mewujudkan kesalahan bagi membantu dan bersubahat dalam melakukan kesalahan di bawah Akta 242. *Fasal* ini juga mewujudkan kesalahan menjalankan amalan sebagai penilai, pentaksir atau ejen harta tanah tanpa kuasa yang sah. *Fasal* ini juga mencadangkan supaya denda maksimum dinaikkan daripada dua puluh lima ribu ringgit kepada tiga ratus ribu ringgit dan sepuluh ribu ringgit kepada dua puluh lima ribu ringgit.
21. *Fasal 20* bertujuan untuk menaikkan denda maksimum daripada sepuluh ribu ringgit kepada dua ratus ribu ringgit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2352]